

07 OCT 2003

Kesatuan-Mahathir

AMESU SANJUNGI PENCAPAIAN DR MAHATHIR SEBAGAI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Semenanjung Malaysia (AMESU), yang merupakan kesatuan berasaskan perladangan tertua di negara ini merakamkan sanjungan terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan pelbagai pencapaiannya sebagai Perdana Menteri.

Dalam lidah pengarang muka depan keluaran terbaru buletin "Berita Amesu", kesatuan yang mempunyai 4,000 anggota itu berkata: "sejak dua dekad yang lepas, di sebalik cabaran-cabaran yang hebat, Datuk Seri telah mengubah ekonomi dari berasaskan pertanian kepada berasaskan pembuatan dan meletakkan asas ke arah mencapai Wawasan 2020."

Menurut lidah pengarang itu kemuncak pencapaian Dr Mahathir semasa memegang jawatan ialah pengurusan cemerlangnya semasa menangani Krisis Kewangan Asia pada 1997.

"Kami amat terhutang budi dengan kemahiran pengurusan Datuk Seri yang tinggi dan ketegasan Datuk Seri yang tidak tunduk kepada tekanan kuasa barat yang ingin merosakkan negara kita."

"Datuk Seri merupakan (pemimpin) pertama di dunia yang mengenalpasti (George) Soros sebagai punca di sebalik kejatuhan ekonomi di Asia, tetapi pada masa itu tiada siapa yang mempercayai Datuk Seri, tetapi sejarah membuktikan bahawa Datuk Seri di pihak yang betul dan Soros telah menerima balasan akibat perbuatannya."

Kesatuan itu turut memuji Perdana Menteri dalam menangani kesan-kesan peristiwa 11 Sept di Amerika Syarikat.

"Pendirian Datuk Seri berkaitan isu keganasan dan tindakan tegas Datuk Seri dalam menangani militan Islam di dalam dan luar negara amat disanjung tinggi," kata lidah pengarang itu lagi.

Kesatuan itu juga merakamkan penghargaan kepada Dr Mahathir berikutan perubahan radikal yang dilaksanakannya dalam sistem persekolahan dan memberikan penekanan kepada bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, selain turut mengetengahkan polarisasi kaum dalam institusi pengajian tinggi di negara ini.

Kesatuan itu juga berasa gembira kerana Dr Mahathir meninggalkan sebuah kerajaan yang amat kukuh dan stabil kepada penggantinya.

Lidah pengarang itu seterusnya membuat kesimpulan bahawa: "Adalah sukar untuk menghitung beribu-ribu perkara baik yang Datuk Seri telah lakukan, memadai dengan mengatakan bahawa semua usaha Datuk Seri itu akan diingati oleh generasi akan datang dan Datuk Seri akan dikenang dalam lipatan sejarah negara sebagai Bapa Malaysia Moden."

-- BERNAMA

SH MRA RV ROS